

Bahana 1 orang 1 kereta

Tiba masa
kenakan
caj masuk
bandar

KESESAKAN lalu lintas di Lembah Klang bukan lagi soal lebuh raya tidak cukup, sebaliknya berpunca daripada tabiat 'satu orang satu kereta' apabila sehingga 80 peratus kenderaan yang memasuki pusat bandar hanya membawa seorang penumpang.

Pakar Pengangkutan Universiti Putra Malaysia (UPM),

Profesor Madya Dr Law Teik Hua memberi amaran corak perjalanan yang tidak cekap itu menjadikan kesesakan semakin sukar di kawal, apatah lagi ketika jumlah kenderaan berdaftar mencecah 38.7 juta setakat hujung 2024, melebihi jumlah penduduk negara.

Justeru, beliau menegaskan sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan *road pricing* atau caj kesesakan bagi mengawal kemasukan kenderaan ke pusat bandar pada waktu puncak, selain menggalakkan *carpooling*.

Muka surat 2, 3 & 4